



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Kenyataan Media

25 Mei 2023

Kejadian perlombongan nadir bumi secara haram di Kuala Pilah tidak boleh dibiarkan berulang lagi

Sahabat Alam Malaysia (SAM) amat bimbang dengan laporan media hari ini yang mendedahkan penemuan oleh pihak berkuasa Negeri Sembilan dan Melaka mengenai aktiviti perlombongan nadir bumi secara haram di Kuala Pilah, berikutan aduan yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah pada 16 Mei. Sementara kami menyambut baik tindakan pantas dan keterbukaan semua agensi negeri dan persekutuan yang terlibat, kami merasakan adalah penting untuk kami mengulangi beberapa fakta mengenai perlombongan nadir bumi.

Menurut pihak berkuasa, kaedah larut resap in-situ yang digunakan oleh pelombong haram dalam kes ini, tidak memerlukan kawasan yang luas dan menggunakan bahan kimia cecair termasuk ammonium sulfat untuk mengekstrak unsur nadir bumi dari tanah melalui lubang yang telah digerudi dan disalurkan ke kolam tadahan.

SAM telah lama membantah perlombongan nadir bumi, tidak kira apa kaedah perlombongan yang digunakan, kerana kesannya yang merosakkan terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia. Menurut Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA), menghasilkan satu tan REE boleh menghasilkan 2,000 tan sisa toksik, termasuk 75 meter padu air sisa dan satu tan sisa radioaktif. Oleh itu, tidak hairanlah pada masa ini terdapat trend global peralihan ke arah penghapusan atau pengurangan penggunaan nadir bumi dalam banyak produk zaman moden, daripada telefon pintar, turbin angin kepada kenderaan elektrik.

Secara umumnya, terdapat dua kaedah untuk melombong mineral nadir bumi. Pertama ialah perlombongan terbuka konvensional; kedua ialah kaedah larut resap in-situ. Walau bagaimanapun, kedua-dua kaedah ini masih memberikan kesan yang serius kepada alam sekitar dan kesihatan.

Sementara perlombongan terbuka memerlukan pembersihan tumbuh-tumbuhan dan hutan berskala lebih besar dan penyingkiran tanah atas, larut resap in-situ masih perlu untuk membersihkan satu pertiga daripada tumbuh-tumbuhan yang sedia ada. Kedua-dua kaedah ini masih menyebabkan pengasidan tanah, pelepasan logam berat seperti plumbum, kadmium dan kromium ke dalam ekosistem dan pencemaran air bawah tanah.

Khususnya, penggunaan ammonium sulfat sebagai larutan larut resap dalam larut resap in-situ, akan menghasilkan pencemaran sulfat. Ini boleh berterusan lama selepas perlombongan dihentikan melalui pencemaran nutrien yang lebih teruk di hilir sungai dan takungan serta peningkatan pengeluaran mikrob hidrogen sulfida, bahan yang sangat toksik bagi kebanyakan organisma dan tumbuhan akuatik.

Sama pentingnya, pencemaran air bawah tanah adalah perkara yang mesti diambil serius oleh semua orang, terutamanya memandangkan perubahan iklim dan gelombang haba yang disebabkan oleh El Nino, yang pada masa ini telah menyebabkan tekanan yang besar terhadap sumber air kita. Pencemaran air bawah tanah mungkin mengambil masa untuk diperhatikan. Setelah diperhatikan, ia akan mengambil masa untuk mengawal dan mengurangkannya. Walau bagaimanapun, kawalan dan mitigasi itu sendiri mungkin tidak menamatkan pencemaran sepenuhnya. Akibatnya,

kemerosotan air permukaan atau air bawah tanah akibat perlombongan nadir bumi boleh menjejaskan sebahagian besar kawasan tadahan air dan ekosistemnya. Kuala Pilah terletak betul-betul bersebelahan dengan Jelevu, daerah paling kering di negara ini.

Selanjutnya, amalan perlombongan dan larut resap di situ juga boleh menyebabkan masalah lain. Di China, sehingga 2013, lebih daripada 100 tanah runtuh yang dikaitkan dengan amalan perlombongan dan larut resap in situ dilaporkan berlaku di Ganzhou.

Memandangkan bahaya perlombongan nadir bumi, mereka yang terlibat atau bersekongkol dalam operasi perlombongan haram di Kuala Pilah mestilah dibawa ke muka pengadilan. Contoh mestilah diberikan sebagai pencegahan pada masa depan. Pihak berkuasa di semua negeri juga mesti mempunyai rancangan yang lebih kukuh untuk mencegah aktiviti haram itu daripada berlaku. Kita pastinya boleh memastikan bahawa hukuman berat menanti sebarang operasi haram yang mencemarkan alam sekitar dan membahayakan kesihatan awam, tetapi jika jenayah telah dilakukan, kerosakan sudah pun berlaku. Kejadian sebegini tidak boleh dibiarkan berulang lagi dengan segala cara, di mana-mana, pada bila-bila masa, di seluruh negara.

Akhir sekali, Malaysia juga mestilah mengkaji semula dasar perlombongan nadir bumi. Perlombongan nadir bumi terlalu berisiko dan berbahaya bagi alam sekitar dan kesihatan manusia, mengatasi mana-mana manfaat ekonomi jangka pendeknya.

Meenakshi Raman

Presiden

Sahabat Alam Malaysia (SAM)